



SIARAN MEDIA

MPS SITA BARANGAN 3 PENJAJA HARAM WARGA ASING DI PASAR BORONG SELAYANG

Sebanyak 35 bakul pelbagai jenis sayur-sayuran dan 5 bakul buah-buahan telah disita dalam satu operasi membanteras kegiatan penjaja tanpa kebenaran oleh warga asing yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi operasi di sekitar Pasar Borong Selayang pada 28 September 2022 (Rabu).

Kesemua tiga penjaja haram warga asing yang dikenakan tindakan didapati menjalankan perniagaan di kaki lima di sekitar Pasar Borong Selayang sehingga menimbulkan isu kacau ganggu, kebersihan dan juga kesesakan jalan raya di kawasan tersebut. Tindakan diambil dibawah Seksyen 46(1)d, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan meletak dan menyebabkan halangan barang-barang perniagaan di tempat awam dan UUK 3, menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Operasi yang tamat pada pukul 7.30 malam ini diketuai oleh Encik Muhammad Arif bin Misnan, Penolong Pegawai Penguatkuasa bersama-sama 15 anggota daripada Zon Unit Malam, Zon 01 Selayang dan Unit Logistik.

MPS memandang serius isu ini dan akan terus membuat pemantauan dan menjalankan operasi bersepodu dari semasa ke semasa. Semua peniaga dan penjaja diingatkan juga untuk menjalankan aktiviti masing-masing dengan permit dan lesen yang sah dari MPS selain memastikan aspek kebersihan kawasan sekitar dijaga dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

Unit Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

B.P. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang
29 September 2022